


# PERADABAN

Jurnal Rasmi Pusat Dialog Peradaban  
Universiti Malaya

ISSN: 1985-6296 eISSN: 2636-9257

Jilid 17, 2024



UNIVERSITI  
MALAYA

### **Ketua Penyunting:**

Profesor Dr. Khadijah Mohd Khambali @ Hambali  
Universiti Malaya, Malaysia

### **Penolong Penyunting/Penyunting Pengurusan**

Nur Lisa Mohd Yusoff  
Universiti Malaya, Malaysia

### **Sidang Penyunting**

Prof. Dato Dr. Wan Ramli Wan Daud  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
Malaysia

Prof. Dr. H. Tobroni M.Si  
Universitas Muhammadiyah Malang,  
Indonesia

Prof. Dr. Mohd Nazari Ismail  
Universiti Malaya, Malaysia

Prof. Madya Gs. Dr. Rosilawati Zainol  
Universiti Malaya, Malaysia

Profesor Madya Dr. Salinah Ja'afar  
Universiti Malaya, Malaysia

Dr. Alwani Ghazali  
Universiti Malaya, Malaysia

Dr. Arba'iyah Mohd Noor  
Universiti Malaya, Malaysia

Dr. Asmawati Muhamad  
Universiti Malaya, Malaysia

# ISI KANDUNGAN

| NO | ARTIKEL   | MUKA SURAT |
|----|---|------------|
| 1  | <b>Kemunduran Umat Islam: Sebab-Sebab Dalaman dan Strategi Pemulihannya</b><br><br><i>Mohd Firdaus Mohammad, Ahmad Mohamad, Muhammad Afifi Azahar</i> | .....1     |



# Kemunduran Umat Islam: Sebab-Sebab Dalam dan Strategi Pemulihannya

Mohd Firdaus Mohammad<sup>1\*</sup>, Ahmad Mohamad<sup>2</sup>, Muhammad Afifi Azahar<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Malaysia

<sup>2</sup> Jabatan Akidah & Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

---

**\*Emel penulis utama:**

dauzm97@gmail.com

**Tarikh penerimaan:** 16 Okt 2023

**Tarikh penerbitan:** 31 Dis 2024

**Panduan sitasi:**

Mohammad, M.F., Mohamad, A., Azahar, M.A. (2024). Kemunduran Umat Islam: Sebab-sebab Dalam dan Strategi Pemulihannya. *PERADABAN*, 17(1), 1-32. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/PERADABAN/article/view/47423>

**DOI:**

<https://doi.org/10.22452/PERADABAN.vol17no1.1>

---

**ABSTRACT**

Islam calls upon its followers to continuously promote progress in all aspects of life, whether in the worldly or hereafter domains. This progress, aspired by Islam, must align with the teachings of the Quran and the Sunnah. The Muslim community is also respected as the 'Khair al-Ummah,' the best example for other communities to follow. However, various challenges have plagued the Muslim community, leading to their perceived lag behind non-Muslims, particularly in Western societies and others. Crises and uncertainties within Islamic nations, including conflicts, poverty, and regression, have portrayed the Muslim community as weak and underdeveloped. Hence, this article aims to identify the root causes of the current underdevelopment among Muslims and propose solutions to address these issues. The qualitative research method employed in this study collects data from articles and journals as information sources and subsequently analyzes them descriptively. The study reveals a multitude of issues faced by the Muslim community from various angles, with the proposed recovery strategies showing potential to overcome these challenges.

**Keywords:** Khair al-ummah, Strategy, Recovery, Crisis

---

## ABSTRAK

Islam menyeru umatnya untuk sentiasa menggalakkan kemajuan dalam semua aspek kehidupan, sama ada dalam bidang duniawi dan ukhrawi. Kemajuan yang diinginkan oleh Islam harus selaras dengan ajaran al-Quran dan Sunnah. Umat Islam juga dihormati sebagai khair al-ummah, iaitu umat terbaik yang menjadi contoh untuk umat lain. Namun, terdapat pelbagai masalah yang melanda umat Islam yang menyebabkan mereka ketinggalan berbanding bukan Islam terutamanya di kalangan masyarakat Barat dan lain-lain. Krisis dan kekeliruan berlaku di dalam negara-negara Islam, termasuk konflik, kemiskinan, dan kemunduran telah menyebabkan umat Islam dilihat sebagai bangsa yang lemah dan terkebelakang. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti akar masalah yang menyebabkan ketertinggalan umat Islam pada masa kini serta untuk mengemukakan cadangan-cadangan penyelesaian bagi permasalahan tersebut. Kajian yang menggunakan metode kualitatif ini mengumpulkan data dari artikel dan jurnal sebagai sumber maklumat, dan kemudiannya menganalisisnya secara deskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat banyak faktor yang sedang dihadapi oleh umat Islam dari pelbagai sudut yang menyebabkan kemunduran berlaku, dan strategi pemulihan yang dicadangkan dilihat berpotensi dalam mendepani cabaran tersebut.

**Kata Kunci:** Khair al-ummah, Strategi, Pemulihan, Krisis.

## 1. Pengenalan

Islam merupakan agama yang memberi penekanan kepada manusia untuk mengejar kemajuan di dalam pelbagai bidang untuk mencapai kemakmuran dan keharmonian di dalam kehidupan. Tuduhan sebahagian masyarakat bahawa Islam merupakan agama yang mundur adalah tidak berasas, kerana Islam menggalakkan umatnya untuk sentiasa belajar, mengkaji, merenung, dan melahirkan inovasi. Hal ini dapat dilihat melalui pelbagai usaha umat Islam sepanjang sejarah dalam memahami serta mengeksplorasi aspek ilmu pengetahuan, sains, dan teknologi, yang pada akhirnya membuktikan kewujudan dan kekuasaan Allah SWT sebagai Pencipta segala yang ada di alam ini. Di dalam al-Quran dan Sunnah, galakan untuk mengkaji fenomena alam amat diberi perhatian agar masyarakat dibina dalam suasana dan persekitaran ilmu sehingga lahir generasi yang celik serta pintar. Perkara ini dibuktikan menerusi firman Allah SWT:

وَتِلْكَ الْأَمْثَلُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ وَمَا يَعْقِلُهَا إِلَّا الْعَالِمُونَ

*“Dan perumpamaan-perumpamaan ini Kami buat untuk manusia; dan tidak ada yang akan memahaminya kecuali mereka yang berilmu.” (al-Ankabut: 43)*

Menurut Roziah dan Mat Sidek (2012), faktor keagamaan yang didapati di dalam al-Quran menjadi sebab dan dorongan kepada sarjana-sarjana Islam untuk mula mengorak langkah dalam mengkaji dan bergiat di dalam bidang keilmuan kerana dengan mengkaji fenomena alam dapat melihat tanda kebesaran dan kekuasaan Allah SWT di alam ini. Kisah sirah Rasulullah SAW juga memberi gambaran bahawa pembinaan masyarakat yang unggul dimulakan oleh Rasulullah SAW kepada masyarakat Arab jahiliah di padang pasir sewaktu baginda memulakan transformasi untuk mengubah masyarakat Arab yang dihina oleh bangsa Parsi dan Rom sebagai menjadi umat yang terbaik di dalam setiap aspek sehingga digeruni oleh pihak-pihak musuh (Khalif Muammar, 2009). Kejayaan yang diinginkan oleh Islam bukan hanya tertumpu di akhirat sahaja, bahkan memastikan umatnya untuk turut berjaya di dunia ini. Kemajuan yang diinginkan oleh agama Islam mempunyai batasnya dan mestilah selari dengan ajaran Islam dan tidak bertentangan dengan suruhan Allah SWT. Al-Quran dan Sunnah seharusnya dijadikan sebagai paksi utama di dalam kemajuan sesebuah negara dan menerapkan ciri-ciri serta nilai-nilai islamik di dalam pembangunan mampu menjadikan umat Islam sebagai umat yang terbaik pada zaman ini.

Apabila dilihat sejarah Islam, kerajaan-kerajaan Islam dilihat sangat mementingkan aspek kemajuan dari segi pendidikan, pembangunan dan sebagainya. Tiga abad selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW, empayar Umayyad, Abbasiyyah, Fatimid, Ghaznavid, Seljuq, Safavid, Mongol dan juga Uthmaniyyah merupakan antara empayar-empayar Islam yang berpengaruh dan berkuasa serata dunia (Siti Nadirah et al., 2012). Menurut Berhanundin dan Zawawi (2015), ramai ahli-ahli sains, falsafah dan ahli akademik lahir

---

daripada umat Islam sewaktu zaman keemasan Islam yang mampu mewujudkan satu tamadun Islam yang agung. Kennedy mengatakan sejak penubuhan Dinasti Abbasiyah pada tahun 750 sehingga meletusnya ketidakstabilan politik pada tahun 940-an, ia dikatakan sebagai “*by far the greatest political power in the Islamic World*” kerana dunia menyaksikan Baghdad menjadi pusat pemerintahan kepada dunia Islam pada zaman kegemilangan pemerintah Harun Al-Rashid (memerintah 786-889) dan Al-Ma'mun (813-833) yang meneruskan polisi memberi peruntukan yang banyak untuk membantu perkembangan ilmu, seni dan sains (Hafiz, 2019).

Walaubagaimanapun, apabila dilihat kepada situasi umat Islam pada hari ini, didapati bahawa umat Islam ketinggalan dari sudut kemajuan dalam pelbagai aspek. Menurut laporan *Islamic Development Report 2023*, sekitar 34% daripada negara anggota OIC (*Organization of Islamic Cooperation*) berada dalam kategori negara berpendapatan rendah, manakala lebih daripada 25% penduduknya hidup di bawah garis kemiskinan (Islamic Development Bank, 2023). Selain itu, konflik politik dan ketidakstabilan sosial terus menghimpit negara Islam seperti Syria, Yaman, dan Libya, yang mencerminkan krisis dalaman yang serius (UNHCR, 2023). Keadaan ini amat jauh berbeza dengan jaminan Allah SWT kepada umat Islam sebagai umat terbaik yang seharusnya menjadi contoh kepada manusia dalam segala aspek kehidupan. Justeru, di manakah silapnya sehingga umat Islam kini terpaksa menerima dan menelan kepahitan akibat kemelut serta permasalahan yang berlaku di kalangan mereka?

Permasalahan-permasalahan yang berlaku di dalam kalangan umat Islam sehingga menyebabkan mereka ketinggalan sewajarnya diambil berat supaya kita mampu mencari penyelesaian. Oleh itu, artikel ini akan mengenalpasti punca-punca umat Islam ketinggalan pada masa kini serta mengutarakan langkah-langkah penyelesaian bagi masalah berikut.

---

## 2. Faktor Umat Islam Ketinggalan Pada Masa Kini

### 2.1 Serangan Ideologi Daripada Pihak Barat

Antara faktor umat Islam ketinggalan pada masa kini ialah kerana serangan ideologi daripada pihak barat terhadap pemikiran umat Islam. Antara faktor yang sering dikaitkan dengan kemunduran umat Islam ialah serangan ideologi daripada pihak Barat terhadap pemikiran umat Islam. Walau bagaimanapun, pandangan ini perlu diteliti dengan lebih terperinci, kerana beberapa tokoh akademik seperti Tariq Ramadan (2009) dan Hamza Yusuf (2019) berhujah bahawa pendekatan yang lebih konstruktif adalah dengan memahami dan memanfaatkan elemen positif dari pemikiran Barat untuk membangun kembali kekuatan umat Islam. Syed Hussein Al-Attas (1977) turut menegaskan bahawa sikap keterbukaan dalam mempelajari ilmu daripada Barat, dengan menolak unsur-unsur negatif seperti hegemoni intelektual, dapat membantu membangunkan masyarakat Islam. Khairudin Aljunied (2020) menambah bahawa umat Islam di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Eropah telah membuktikan bahawa menggabungkan nilai-nilai Islam dengan pencapaian Barat mampu mencipta kejayaan. Oleh itu, cabaran sebenar terletak pada keupayaan umat Islam untuk menyaring ideologi negatif sambil mengambil manfaat daripada pencapaian Barat yang selaras dengan prinsip Islam.

Serangan pemikiran, yang dikenali sebagai *al-ghazwu al-fikr* dalam bahasa Arab, berbeza daripada serangan berbentuk fizikal kerana ia menyerang secara halus tetapi memberi kesan mendalam kepada mangsanya. Serangan ini sering dikaitkan dengan agenda pihak tertentu yang mempunyai kepentingan geopolitik, ekonomi, dan ideologi, termasuk kuasa besar global serta institusi ideologi yang menyebarkan fahaman seperti sekularisme, hedonisme, dan individualisme melalui pelbagai medium, termasuk pendidikan dan hiburan (Mohd Aizam, 2012). Walau bagaimanapun, sejauh mana fahaman ini



---

memberi kesan langsung kepada pemikiran generasi muda hari ini perlu dilihat dalam konteks penerimaan pengaruh globalisasi.

Globalisasi telah membawa dimensi positif seperti kebolehcapaian kepada ilmu pengetahuan, kerjasama antarabangsa, dan pembangunan teknologi yang membantu membangunkan masyarakat Islam. Namun, dalam masa yang sama, globalisasi turut membuka ruang kepada penyebaran nilai yang bercanggah dengan prinsip Islam. Generasi hari ini, khususnya yang lebih celik teknologi, menghadapi cabaran unik dalam menilai dan menyaring pengaruh ini. Oleh itu, walaupun ancaman serangan pemikiran tetap relevan, umat Islam perlu menyesuaikan pendekatan mereka dengan mengimbangi penerimaan aspek positif globalisasi sambil memperkukuhkan asas keimanan dan kefahaman terhadap agama.

Antara fahaman yang disebarkan ialah sekularisme. Menurut kamus dewan bahasa (1991), sekularisme bermaksud fahaman, doktrin dan pendirian yang menolak atau memisahkan agama atau ciri-ciri keagamaan daripada urusan-urusan yang tidak bersangkutan dengan agama seperti pentadbiran awam dan lain-lain. Fahaman ini merujuk kepada doktrin atau ideologi yang memisahkan agama daripada urusan awam dan kehidupan sosial. Menurut *Oxford English Dictionary* (2023), sekularisme ialah prinsip atau sistem yang mengutamakan urusan duniawi tanpa campur tangan agama, khususnya dalam pentadbiran negara. Pendapat ini turut diperkukuhkan oleh Asad (2003), yang menyatakan bahawa sekularisme berfungsi untuk mengawal peranan agama dalam ruang awam, dengan tujuan melindungi kepelbagaian tetapi sering kali mengasingkan agama daripada peranan utamanya dalam membimbing kehidupan bermasyarakat. Dalam konteks dunia Islam, sekularisme sering dianggap bertentangan dengan ajaran Islam kerana ia mengurangkan pengaruh agama dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk politik, pendidikan, dan budaya (Nasr, 2001). Oleh itu, penerapan sekularisme telah

menjadi salah satu cabaran utama yang dihadapi umat Islam, terutamanya di negara-negara yang cuba mengaplikasikan model pemerintahan Barat.

Penyebaran sekularisme pada masa kini turut mempengaruhi undang-undang dan sistem pendidikan di beberapa negara. Sebagai contoh, di negara-negara yang mengamalkan sistem pemerintahan sekular seperti Turki dan Tunisia, terdapat usaha jelas untuk memisahkan ajaran Islam daripada undang-undang negara. Dalam konteks ini, undang-undang Islam sering kali terhad kepada urusan peribadi seperti nikah kahwin dan pembahagian harta pusaka sahaja, sementara aspek lain seperti ekonomi, politik, dan jenayah sepenuhnya diambil alih oleh undang-undang sekular (Ahmed, 2006; Nasr, 2001). Langkah ini bertujuan untuk menonjolkan idea bahawa agama tidak memiliki tempat dalam pentadbiran moden.

Dalam bidang pendidikan pula, penyebaran sekularisme terlihat melalui pengenalan silibus yang kurang menekankan nilai-nilai agama, terutamanya di institusi yang dipengaruhi oleh model pendidikan Barat. Sebagai contoh, di beberapa negara majoriti Muslim, kurikulum agama telah dikurangkan atau disesuaikan untuk tidak melibatkan pemahaman mendalam tentang prinsip-prinsip Islam (Saeed, 2007). Tambahan pula, stigma sosial terhadap lepasan pengajian agama sering kali menghambat peluang mereka untuk bersaing dalam pasaran kerja, seperti yang diperhatikan di negara-negara seperti Malaysia dan Mesir.

Persepsi bahawa pengajian agama tidak menjamin masa depan telah mendorong sebahagian masyarakat Islam untuk lebih memilih pendidikan sekular. Implikasinya, generasi muda Islam kurang diberi pendedahan terhadap nilai-nilai agama yang holistik, sehingga mencetuskan masyarakat yang kurang menghargai agama mereka sendiri (Yusri, 2019) dan terdedah kepada fahaman sekularisme.

Seterusnya, budaya hedonisme yang semakin tersebar juga menyebabkan umat Islam lalai di dalam kehidupan mereka. Hedonisme ialah pegangan atau pandangan hidup yang mementingkan keseronokan atau kesenangan hidup. Ia juga diertikan sebagai kepuasan rasa dan kenikmatan yang menjadi ukuran tingkah laku sesuatu perbuatan yang baik (Halipah, 2016). Pengaruh Hedonisme juga mampu menyebabkan umat Islam terus dibuai oleh tipu daya dunia serta membuatkan mereka lupa mengenai tujuan mereka dilahirkan di dunia ini. (Roslan, 2011). Pengaruh hedonisme dilihat mendorong sebahagian umat Islam untuk bersikap individualistik, mementingkan kepuasan diri, serta memandangi diri lebih unggul daripada orang lain.

Sikap ini sering kali dikaitkan dengan kepercayaan bahawa kebebasan individu adalah segalanya, sehingga menyebabkan perilaku yang melampaui batas kawalan moral dan agama. Menurut Mohd Aizam (2012), hedonisme dalam kalangan umat Islam semakin berkembang melalui pengaruh media dan hiburan yang mempromosikan gaya hidup berorientasikan keseronokan dan kebendaan. Sikap mementingkan diri ini bukan sahaja mencetuskan konflik sosial tetapi juga melemahkan semangat ukhuwah dalam masyarakat Islam, yang merupakan tunjang kepada perpaduan umat. Pemikiran Hedonisme sangat bertentangan dengan ajaran Islam kerana Islam tidak hanya memandangi dari sudut dunia bahkan turut melihat kepada akhirat. Dari sudut pandang Islam, kesenangan dunia pada hakikatnya hanyalah bersifat sementara sahaja sedangkan kesenangan akhirat itu adalah bersifat kekal (Hasri et al., 2020). Islam tidak menerima idea ini sebagaimana firman Allah SWT:

فَلَوْلَا كَانَ مِنَ الْفُرُوقِ مِنْ قَبْلِكُمْ أُولُوا بَقِيَّتِهِ بَيِّنَةً عَنِ الْفَسَادِ فِي الْأَرْضِ إِلَّا قَلِيلًا مِمَّنْ  
 أَنْجَيْنَا مِنْهُمْ ۗ وَاتَّبَعَ الَّذِينَ ظَلَمُوا مَا أُتْرِفُوا فِيهِ وَكَانُوا مُجْرِمِينَ ١١٦

---

*“Maka sepatutnya ada di antara umat yang telah dibinasakan dahulu daripada kamu itu, orang-orang yang berkelebihan akal fikiran yang melarang kaumnya dari perbuatan-perbuatan jahat di muka bumi tetapi sayang! Tidak ada yang melarang melainkan sedikit sahaja, iaitu orang-orang yang Kami telah selamatkan di antara mereka dan orang-orang yang tidak melarang itu telah menitik beratkan segala kemewahan yang diberikan kepada mereka dan menjadilah mereka orang-orang yang berdosa.” (Hud: 116)*

Apabila diteliti gaya hidup hedonisme di kalangan umat Islam pada masa kini, kita mendapati bahawa seolah-olah gaya hidup ini hanyalah satu perkara yang norma sahaja di dalam kehidupan mereka. Mereka seolah-olah tidak memikirkan langsung kepada masyarakat dan agama mereka.

## ***2.2 Penggunaan Sistem Barat Di Dalam Ekonomi***

Antara faktor yang menyumbang kepada kelemahan umat Islam dalam bidang ekonomi adalah pengaruh dan penerapan sistem ekonomi Barat. Menurut Syahir et al., (2016), umat Islam kini masih ketinggalan dalam persaingan ekonomi global, sehingga bergantung kepada struktur ekonomi Barat yang sering bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam. Elemen-elemen seperti riba, rasuah, dan penindasan ekonomi dianggap haram dalam Islam, namun tetap diamalkan secara meluas dalam sistem kapitalisme moden.

Pengaruh sistem ini turut menyebabkan berlakunya amalan riba, penyelewengan harta, dan penekanan terhadap keuntungan individu, yang membawa kepada sifat tamak dan mementingkan diri dalam kalangan masyarakat. Walau bagaimanapun, perkembangan sistem ekonomi Islam di peringkat global menunjukkan tanda-tanda yang positif. Produk perbankan Islam kini diiktiraf secara meluas oleh institusi kewangan antarabangsa seperti *World Bank* dan *World Economic Forum*, malah institusi seperti La Riba Bank di Amerika Syarikat telah mula mengamalkan sistem bebas riba.

Laporan terkini menunjukkan pertumbuhan pesat dalam industri kewangan Islam, dengan nilai aset global mencapai USD 2.88 trilion pada tahun 2023 (IFSB, 2023). Namun, cabaran tetap wujud, terutamanya dalam memastikan penerapan ekonomi Islam tidak hanya terbatas kepada sektor perbankan tetapi meluas kepada semua aspek ekonomi seperti perdagangan, pembangunan sosial, dan dasar fiskal. Kebergantungan terhadap sistem kapitalisme juga menuntut umat Islam untuk lebih proaktif dalam membangunkan sistem ekonomi yang benar-benar berlandaskan syariat, yang mengutamakan keadilan, kesejahteraan masyarakat, dan pengagihan kekayaan yang saksama.

### ***2.3 Penjajahan Minda Melalui Digital***

Penjajahan minda melalui platform digital pada masa kini semakin berleluasa dan memberi impak besar kepada umat Islam. Kecanggihan teknologi abad ke-21 telah menjadikan internet sebagai medium utama untuk mengakses maklumat, dengan pelbagai bahan tersedia hanya di hujung jari. Namun, tanpa kawalan dan kesedaran yang mencukupi, umat Islam menjadi sasaran mudah kepada propaganda yang merosakkan. Media sosial seperti Telegram, X, dan YouTube bukan sahaja menjadi platform untuk hiburan tetapi turut digunakan sebagai saluran penyebaran ideologi songsang seperti LGBT, transeksual, homoseksual, seks bebas, dan materialisme. Menurut Hazwan et al., (2019), laman web berunsur negatif ini tidak hanya mempengaruhi akhlak individu tetapi juga menyumbang kepada peningkatan kes jenayah seksual, pemusnahan nilai moral, dan penularan penyakit seperti HIV/AIDS di dalam masyarakat.

Selain itu, kajian oleh Qutbuddin (2020) menunjukkan bahawa media sosial turut menjadi alat hegemoni budaya, di mana ideologi Barat mendominasi naratif global, menjadikan umat Islam semakin terasing daripada nilai agama dan budaya mereka sendiri. Sebagai contoh, promosi kebebasan tanpa batas dan individualisme melalui media sosial sering kali bercanggah dengan prinsip

---

Islam yang mengutamakan keseimbangan antara hak individu dan tanggungjawab kepada masyarakat.

Walaupun terdapat sisi positif seperti peningkatan akses kepada ilmu agama dan dakwah digital, ancaman terhadap akidah dan moral umat Islam tetap memerlukan perhatian serius. Usaha yang lebih holistik perlu dilakukan, termasuk pengawalan kandungan media digital, peningkatan literasi media dalam kalangan masyarakat Islam, dan penekanan kepada pendidikan akhlak dalam penggunaan teknologi. Tanpa langkah proaktif ini, penjajahan minda melalui digital akan terus melemahkan keutuhan identiti Islam di era globalisasi.

#### ***2.4 Kesan Kolonialisme***

Kesan kolonialisme yang berlaku di dalam negara-negara Islam dilihat memberi kesan yang lama dan mendalam kepada kebanyakan negara-negara Islam sehingga mereka ketinggalan berbanding negara-negara lain pada masa kini. Kolonialisme berlaku disebabkan oleh faktor ekonomi dan persaingan yang berlaku di antara negara-negara barat untuk memperluas kawasan jajahan mereka sehingga banyak negara Islam yang dijajah oleh negara-negara barat. Sebagai contoh, Mesir dijajah oleh Perancis pada tahun 1798 dan kemudiannya dijajah oleh Inggeris pada tahun 1882. Negara Indonesia dijajah oleh Belanda, Algeria dijajah oleh Perancis dan terdapat banyak lagi negara-negara Islam yang tertawan. Pada tahun 1920, negara-negara Islam yang tidak ditawan hanyalah Turki, Iran, Afghanistan, Najd dan Hijaz (Arab Saudi kini) dan juga utara Yaman (Tan, 2017).

Apabila negara Islam dijajah, segala hasil bumi di negara tersebut akan dijarah sehingga memberi impak buruk kepada penduduk asal sehingga kini. Bangsa yang ditawan juga diperhambakan oleh negara-negara barat dan diajar supaya mengakui bahawa penjajah itu adalah bangsa yang mempunyai taraf yang tinggi dan moden sehingga umat Islam perlu mengikut gaya hidup serta budaya

mereka. Menurut Harizan et al., (2018), penjajah melaksanakan kurikulum yang sengaja direndahkan kualitasnya kerana menganggap pribumi sebagai bangsa bertaraf rendah yang tidak perlu mencapai pendidikan tinggi dan di antara kesan yang lain adalah penjajah akan membawa masuk imigran dari luar negara serta memonopoli ekonomi sehingga berlaku perpecahan dikalangan pribumi tersebut. Mereka berbuat sedemikian supaya pendidikan di dalam negara Islam tidak mampu menyaingi mereka dan terus berada di dalam kemunduran sehingga tidak berkembang (Harizan et al., 2018).

Sebagai contoh, kajian Carnoy (1974) menunjukkan bagaimana sistem pendidikan kolonial dirancang untuk memastikan kekuasaan penjajah kekal, dengan mengutamakan pendidikan teknikal asas dan mengehadkan akses kepada ilmu pengetahuan kritikal dan teknikal. Abdul Halim (1991) berkongsi bahawa kecelaruan berterusan ini menyebabkan umat Islam terpesong dan semakin hanyut daripada ajaran sistem pendidikan Islam dan cenderung ke arah sistem barat yang jauh dan tidak selari dengan agama Islam sehingga melahirkan masyarakat yang tidak jelas peribadi dan pembawaannya walaupun memiliki intelek yang tinggi.

### ***2.5 Tiada Perpaduan Di Dalam Kalangan Umat Islam***

Perpecahan dalam kalangan umat Islam masih menjadi isu utama yang menghalang kemajuan mereka sebagai sebuah komuniti global. Keadaan ini tidak hanya berkait dengan perbezaan mazhab dan pendapat, tetapi juga pengaruh politik, nasionalisme, dan kepentingan individu yang sering melebihi kepentingan umat. Menurut Khalid (2022), ketiadaan perpaduan ini memudahkan musuh-musuh Islam menyusup masuk untuk melaksanakan agenda mereka, termasuk melemahkan dan memecah-belahkan umat Islam. Isu ini semakin meruncing apabila sebahagian umat Islam mengkafirkan saudara seagama hanya kerana perbezaan pendapat dalam isu-isu yang sebenarnya bersifat cabang (*furū'*), bukan asas (*usūl*).

Sebagai contoh, dalam sejarah moden, konflik politik seperti perang saudara di Syria, ketegangan antara puak Sunni dan Syiah di Timur Tengah, dan perbezaan ideologi antara gerakan-gerakan Islam membuktikan bahawa perpecahan ini tidak hanya berakar daripada perbezaan agama tetapi juga dipengaruhi oleh faktor geopolitik dan campur tangan kuasa asing. Konflik ini sering dieksploitasi oleh pihak luar untuk mencapai agenda politik mereka, seperti dalam konflik di Iraq selepas pencerobohan oleh Amerika Syarikat pada tahun 2003.

Selain itu, perpecahan dalam kalangan umat Islam sering diburukkan oleh sifat ego dan sombong, yang menyekat keterbukaan untuk menerima pandangan dan pendapat berbeza. Abdul Aziz (2018) menekankan bahawa sifat ini menghalang usaha perpaduan, terutama apabila perselisihan pendapat kecil diperbesar sehingga mencetuskan ketegangan yang meluas. Di samping itu, penyelesaian bagi isu perpecahan ini memerlukan pendekatan yang lebih menyeluruh, termasuk dialog antara mazhab, pendidikan tentang toleransi, dan peranan ulama serta pemimpin politik untuk menggalakkan kesatuan. Isu perpaduan bukan hanya masalah agama tetapi juga melibatkan dimensi sosial, ekonomi, dan politik yang memerlukan kerjasama pelbagai pihak (Zulkifli, 2020). Usaha untuk memperbaiki keadaan ini memerlukan pendekatan yang lebih inklusif, dengan penekanan kepada kesatuan dalam kepelbagaian (*unity in diversity*) sebagaimana yang dianjurkan dalam Al-Quran:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ١٠٣

*“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang Neraka*



---

*(disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliah), lalu Allah selamatkan kamu dari Neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keteranganNya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayatNya.”* (Surah Ali Imran: 103).

## **2.6 Politik Tidak Matang**

Politik yang tidak matang dalam kalangan negara-negara Islam terus menjadi cabaran besar dalam usaha mencapai kestabilan dan kemajuan. Situasi ini sering kali menyaksikan umat Islam menyerang antara satu sama lain, baik secara verbal mahupun tindakan, sehingga menyebabkan perpecahan yang mendalam dalam masyarakat. Menurut Hairol Anuar dan Zakaria (2012), isu ini menjadi semakin serius apabila ia disensasikan oleh pihak-pihak tertentu, termasuk pemimpin negara dan golongan berkepentingan yang hanya mementingkan keuntungan peribadi. Mereka sering menggunakan politik sebagai alat untuk mempermainkan emosi rakyat, mencipta ketegangan, serta mengaburkan fokus masyarakat terhadap isu-isu sebenar yang memerlukan perhatian.

Tambahan pula, penyebaran berita palsu dan fitnah dalam media sosial dan platform digital memperburuk keadaan. Kemajuan teknologi yang sepatutnya digunakan untuk meningkatkan literasi politik kini dieksploitasi untuk menyebarkan tuduhan seperti rasuah, skandal, dan aktiviti haram terhadap pemimpin negara, kadangkala tanpa bukti yang kukuh. Menurut Esposito (2021), amalan ini tidak hanya merosakkan reputasi pemimpin tetapi juga menghakis kepercayaan masyarakat terhadap sistem politik dan institusi pemerintahan. Akibatnya, masyarakat Islam menjadi keliru dan sukar menentukan hala tuju politik negara mereka, sekali gus mengundang ketidakstabilan yang lebih besar.

Di sisi lain, politik tidak matang sering dikaitkan dengan amalan nepotisme, kronisme, dan salah guna kuasa yang merosakkan integriti politik negara-negara Islam. Fenomena ini tidak hanya merugikan rakyat tetapi juga membantutkan usaha membangunkan masyarakat yang progresif. Penulis percaya bahawa politik tidak matang ini sering kali berkait rapat dengan kekurangan pendidikan politik dalam kalangan rakyat, yang menjadikan mereka mudah dipengaruhi oleh dakyah politik pihak tertentu.

Oleh itu, usaha memperbaiki keadaan ini memerlukan pembaharuan besar-besaran, termasuk memperkenalkan pendidikan politik yang lebih menyeluruh untuk rakyat, memperkasakan sistem pilihan raya yang telus, dan meningkatkan literasi media agar masyarakat mampu menilai berita dengan lebih kritikal. Langkah ini penting untuk membangunkan sistem politik yang lebih matang dan adil, sekali gus memperkukuhkan perpaduan dalam kalangan umat Islam (Zulkifli, 2020).

### ***2.7 Korupsi Dan Rasuah Di Dalam Kalangan Umat Islam***

Korupsi dan rasuah yang berleluasa dalam kalangan umat Islam pada hari ini juga merupakan salah satu punca yang menyebabkan mereka ketinggalan. Korupsi dan rasuah juga mampu melumpuhkan pembangunan dan juga melemahkan ekonomi sesebuah negara. Rasuah juga menyebabkan pengagihan kekayaan tidak akan teratur dan hanya tertumpu kepada pihak-pihak tertentu yang tidak jujur sahaja sedangkan masyarakat yang jujur akan disisihkan. Sebagai contoh, amanah hanya diberikan kepada pihak tertentu sahaja tanpa memberikan peluang kepada pihak lain yang berkelayakan dan memiliki integriti walaupun pada hakikatnya, pihak tersebut tidak layak untuk menggalas amanah dan tanggungjawab tersebut.

Terdapat juga pemimpin yang sanggup melakukan amalan rasuah ini semata-mata disebabkan ingin mempertahankan kedudukan dan mengekalkan

kekuasaan mereka. Para pengikut dan penyokong mereka diberikan dan dijanjikan segala jenis kekayaan, kedudukan yang tinggi di dalam kepimpinan dan status serta diberikan perhatian sepenuhnya tanpa pemimpin tersebut memikirkan keadaan rakyat di bawah tanggungannya yang bersusah payah mencari rezeki untuk menyara kehidupan keluarga mereka di rumah dengan gaji dan imbalan yang sedikit.

Golongan ini juga akan menghalang mana-mana individu yang ingin menjatuhkan mereka dengan pelbagai langkah walaupun dengan cara yang paling keji dan kotor termasuk rasuah, fitnah dan sebagainya serta hanya memberikan peluang di dalam pemerintahan kepada pengikut yang memiliki ideologi dan pemikiran yang sama dengan mereka sahaja. Perkara ini akan terus berlanjutan dari satu generasi ke satu generasi yang akan datang, satu zaman ke satu zaman yang lain dan merupakan satu musibah dan malapetaka yang harus dihadapi oleh umat Islam. Isu ini merupakan 'duri dalam daging' dan membuka ruang seluas-luasnya untuk kejatuhan umat Islam pada masa kini (Aiza & Roshimah, 2016).

### ***2.8 Kemunduran di dalam Bidang Sains dan Teknologi***

Selain itu, umat Islam pada hari ini sangat mundur di dalam bidang sains dan teknologi berbanding negara-negara lain. Majoriti negara-negara Islam juga termasuk di dalam kategori negara kelas ketiga yang menunjukkan kepada kemunduran mereka di dalam sains dan teknologi. Kemunduran di dalam bidang ini memberi kesan yang sangat besar terutama kepada negara-negara Islam yang sedang membangun dan kemajuan di dalam bidang sains dan teknologi dilihat mampu memberi kesan positif kepada kemajuan sesebuah negara. Malangnya, umat Islam pada hari ini tidak mempraktikkan pemikiran berdaya saing yang dituntut di dalam agama Islam untuk menguasai bidang-bidang tersebut sehingga perbandingan antara negara Islam dan negara bukan Islam dilihat sangat ketara.

Hal ini menyebabkan segala teknologi yang digunakan pada masa kini dimonopoli oleh negara dunia kelas pertama yang terdiri daripada musuh-musuh Islam sehingga kita terpaksa bergantung sepenuhnya terhadap mereka. Segala kemajuan teknologi dikawal oleh golongan bukan Islam sehingga mereka mampu mengawal negara Islam hanya menerusi teknologi sahaja. Umat Islam juga terpaksa mengikut telunjuk sedangkan jikalau diteliti sejarah Islam, kita akan mendapati bahawa umat Islam ialah pencetus kepada perkembangan bidang sains dan teknologi (Harizan et al., 2018).

Selain itu, ia juga berpunca daripada sikap dan pemikiran sebahagian umat Islam yang dilihat tidak memanfaatkan bidang sains dan teknologi bagi meningkatkan kemajuan dan taraf hidup masyarakat Islam berbanding negara-negara bukan Islam. Malahan, kegagalan untuk memahami konteks al-Quran dan hadis juga menjadi salah satu punca utama kepada kemunduran di dalam bidang ini walaupun pada hakikatnya, sekiranya diteliti dengan baik, didapati Islam sangat menekankan terhadap sudut pemikiran manusia agar sentiasa meluas dan menyeluruh di dalam setiap bidang ilmu termasuk bidang sains dan teknologi kerana secara tidak langsung akan membuktikan kekuasaan Allah SWT. Namun, pemikiran tersebut perlu sentiasa berada di dalam kerangka dan batasan yang dibenarkan oleh Islam (Alias Azhar, 2010).

### ***2.9 Kemunduran Bidang Pendidikan Islam***

Pada masa kini, umat Islam menghadapi cabaran besar dalam mengembangkan pendidikan Islam secara holistik. Pendidikan Islam sering kali terbatas kepada institusi formal seperti sekolah dan madrasah, tanpa menyentuh secara mendalam aspek kehidupan yang lebih luas. Menurut Ahmad Syukri (2014), kemunduran ini tidak hanya disebabkan oleh tekanan faktor luaran seperti pengaruh globalisasi atau ideologi Barat, tetapi turut dipengaruhi oleh kelemahan dalaman, termasuk faktor politik dan sistem pendidikan yang kurang menyokong perkembangan pendidikan Islam secara bersepadu.

Faktor politik memainkan peranan penting dalam menentukan arah sistem pendidikan di sesebuah negara. Pemerintah memiliki kuasa dalam menetapkan silibus dan kurikulum pendidikan yang kadangkala tidak memberikan keutamaan kepada subjek keagamaan. Penekanan kepada bidang teknikal atau sekular sering kali dilakukan atas alasan pembangunan ekonomi, tetapi kesannya adalah pengurangan ruang untuk pendidikan Islam yang dianggap kurang relevan dalam dunia moden (Rahman et al., 2020). Dalam konteks ini, pendidikan Islam dilihat statik dan tidak mengikuti arus perubahan zaman, yang mengakibatkan persepsi negatif terhadap relevansinya dalam pembangunan individu dan masyarakat.

Tambahan pula, kelemahan dalam sistem pendidikan Islam sendiri, termasuk kekurangan inovasi pedagogi dan bahan pengajaran yang relevan, turut menyumbang kepada situasi ini. Misalnya, kajian oleh Zubaidah et al. (2021) menunjukkan bahawa pendidikan Islam di banyak negara masih berpusat pada hafalan teks agama tanpa memberi penekanan kepada pemikiran kritikal, kemahiran insaniah, atau aplikasi praktikal dalam kehidupan seharian. Hal ini mengakibatkan generasi muda kurang berminat untuk mendalami pendidikan Islam, lalu memilih sistem pendidikan Barat yang dianggap lebih praktikal dan relevan.

Keadaan ini juga memperkuat dualisme dalam sistem pendidikan di negara-negara Islam, iaitu pemisahan antara pendidikan agama dan pendidikan sekular. Dualisme ini bukan sahaja menyebabkan ketidakseimbangan dalam pembangunan ilmu pengetahuan, tetapi juga mengakibatkan masyarakat Islam kekal terpecah antara nilai tradisional dan moden. Menurut Hashim dan Langgulung (2008), pemisahan ini bertentangan dengan prinsip asas pendidikan Islam yang bersifat menyeluruh dan integratif, yang menekankan keseimbangan antara aspek duniawi dan ukhrawi.

### 3. Langkah-Langkah Penyelesaian

#### *3.1 Membaikpulih Sistem Pendidikan*

Umat Islam mestilah membaikpulih semula pendidikan kepada semua lapisan masyarakat kerana pendidikan adalah perkara utama dalam memperbaiki masyarakat Islam. Antara peranan pendidikan ialah ia mampu mengeluarkan seseorang serta menjauhkan seseorang daripada kegelapan seperti ditipu oleh musuh-musuh Islam dan sebagainya. Islam mengambil berat ilmu pengetahuan sehingga wahyu pertama yang diturunkan Allah SWT kepada Rasulullah SAW ialah kalimah Iqra' yang bermaksud "bacalah". Walaupun seseorang itu berpakaian seperti seorang muslim dengan mengenakan kopiah, serban dan sebagainya malahan mengaku dirinya seorang muslim yang sejati tetapi itu belum mencukupi kerana hakikat seorang muslim yang sebenar ialah individu yang mementingkan dan mengutamakan pendidikan serta ajaran Islam. Masyarakat yang berilmu inilah akan memelihara masyarakat Islam dengan mengajarkan pendidikan Islam kepada masyarakat serta mempertahankan umat Islam daripada diserang oleh musuh-musuh yang sentiasa sibuk mencari ruang untuk menghancurkan Islam sama ada dari sudut politik, ekonomi ataupun melalui media yang menjajah pemikiran umat Islam pada masa kini (Roslan, 2011).

Sistem pendidikan Islam yang ideal mestilah holistik dan menyeluruh, merangkumi aspek duniawi dan ukhrawi. Langkah penting yang boleh diambil adalah dengan memperkasakan integrasi antara ilmu-ilmu agama dan ilmu-ilmu moden. Pendidikan Islam tidak hanya harus tertumpu kepada ibadah ritual semata-mata, tetapi juga melibatkan ilmu sains, teknologi, ekonomi, dan kemanusiaan yang diasaskan pada nilai-nilai Islam. Sebagai contoh, model pendidikan integrasi seperti yang diamalkan di beberapa institusi pendidikan Islam moden telah menunjukkan potensi untuk melahirkan generasi yang bukan sahaja mahir dalam ilmu-ilmu moden tetapi juga memiliki akhlak yang mulia serta kepekaan terhadap cabaran semasa. Dalam konteks ini, institusi

---

pendidikan seperti *International Islamic University Malaysia* (IIUM) dan *Al-Azhar University* boleh dijadikan contoh, kerana mereka mengamalkan pendekatan pendidikan yang menyeimbangkan antara nilai tradisi Islam dan tuntutan era globalisasi (Al-Attas, 1991; Wan Daud, 2013).

Tambahan pula, sokongan terhadap penyelidikan dan inovasi juga perlu diberi keutamaan dalam sistem pendidikan Islam. Melalui penyelidikan, umat Islam dapat memberikan jawapan yang lebih efektif terhadap isu-isu kontemporari yang melanda masyarakat global. Bantuan kewangan dan infrastruktur yang mencukupi mesti disediakan oleh kerajaan-kerajaan negara Islam untuk membina pusat-pusat kajian yang dapat menjadi peneraju dalam bidang sains dan teknologi serta menyumbang kepada kemajuan ummah secara keseluruhan. Ini tidak hanya akan meningkatkan taraf pendidikan umat Islam tetapi juga memberi sumbangan bermakna kepada dunia dalam menghadapi pelbagai cabaran moden.

### ***3.2 Memajukan Negara Dalam Sudut Ekonomi Berlandaskan Nilai-Nilai Islam***

Umat Islam seharusnya bertungkus-lumus untuk memajukan negara mereka dari sudut ekonomi kerana kebanyakan negara-negara Islam sangat ketinggalan berbanding negara-negara barat. Ekonomi merupakan penanda aras kepada kemajuan sesebuah negara dan menjadi kebanggaan sesebuah negara pada masa moden yang semakin mencabar kini. Seharusnya kita menyerapkan unsur-unsur atau nilai-nilai Islam di dalam ekonomi sesebuah negara untuk merencanakan pertumbuhan sesebuah negara yang berlandaskan ekonomi Islam dan menyebarkan kepada masyarakat seperti perniagaan dan perbankan berlandaskan ciri-ciri Islam. Negara-negara Islam seharusnya saling membantu di antara satu sama lain dan membantu negara-negara umat Islam yang ketinggalan dan mundur untuk merencanakan lagi perkembangan ekonomi umat Islam supaya kita dapat menyaingi negara-negara barat dan tidak lagi berada di dalam cengkaman mereka. Penguasaan ekonomi juga merupakan

satu perkara yang amat penting bagi umat Islam agar kita tidak lagi bergantung kepada negara-negara barat kerana Islam amat mementingkan nilai-nilai kebersihan seperti halal dan suci sesuai dengan syariat Islam (Berhanundin & Zawawi, 2015).

Selain membangunkan ekonomi berlandaskan nilai-nilai Islam, umat Islam juga perlu memperkukuhkan sistem kewangan Islam secara menyeluruh. Sistem kewangan Islam yang berlandaskan prinsip seperti bebas riba (*usury-free*), larangan *gharar* (ketidakpastian), dan penekanan terhadap keadilan sosial mampu memberikan alternatif yang lestari kepada sistem kewangan konvensional. Institusi seperti bank Islam, takaful, dan wakaf memainkan peranan penting dalam menggerakkan dana ke arah pembangunan masyarakat. Sebagai contoh, dana wakaf boleh digunakan untuk membangunkan pendidikan, kesihatan, dan infrastruktur yang memanfaatkan masyarakat secara kolektif. Di samping itu, negara-negara Islam perlu memperkukuhkan kerjasama ekonomi melalui platform seperti Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Bank Pembangunan Islam (IDB) untuk meningkatkan perdagangan intra-Islam serta mengurangkan kebergantungan kepada kuasa ekonomi luar.

Dalam era Revolusi Industri 4.0, usaha mengintegrasikan teknologi dalam ekonomi Islam juga perlu dihalusi kerana negara-negara Islam mesti memanfaatkan teknologi seperti blockchain, kecerdasan buatan (AI), dan fintech untuk mengembangkan sektor ekonomi Islam. Penggunaan teknologi ini dapat meningkatkan ketelusan, keberkesanan, dan daya saing ekonomi Islam di peringkat global. Sebagai contoh, teknologi *blockchain* dapat digunakan untuk memantau rantai bekalan halal bagi memastikan standard halal yang ketat dipatuhi dari pengeluaran hingga ke pengguna akhir. Tambahan pula, aplikasi *fintech* Islam telah berkembang pesat, membolehkan akses kewangan kepada lebih ramai individu termasuk yang tidak dilayan oleh sistem kewangan konvensional (Aliyu et al., 2020).



### ***3.3 Membebaskan Media Daripada Fahaman-Fahaman Barat***

Umat Islam juga seharusnya membebaskan media-media mereka daripada fahaman-fahaman barat yang menyebarkan ideologi yang bertentangan dengan ajaran Islam dan mampu menggugat akidah umat Islam. Selain itu, gejala pornografi dan lucah juga dilihat semakin tersebar luas disebabkan penggunaan media yang semakin meluas dan berleluasa. Pihak yang bertanggungjawab wajib mengelakkan media-media seperti ini menyebar dengan menyekat agar tidak berleluasa sehingga umat Islam terpengaruh dan rosak disebabkan terpengaruh dengan perkara dan ajaran tersebut. Penting bagi umat Islam untuk membina media yang bebas daripada pengaruh negatif dengan menghasilkan kandungan yang mendidik, menguatkan akidah, dan mengangkat nilai-nilai moral serta etika Islam dalam setiap lapisan masyarakat. Tidak dinafikan bahawa umat Islam perlu menguasai teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) kerana ianya sangat diperlukan pada masa kini untuk mengakses maklumat dan pengetahuan. Umat Islam seharusnya lebih kreatif dan menjadikan media sebagai medium dakwah kepada masyarakat di luar sana. Jikalau dahulunya terlalu banyak hiburan dan nyanyian yang ditunjukkan melalui televisyen, maka kita perlu menukar dan mengubahnya kepada siaran ilmiah seperti forum agama, kuliah, dan perkara-perkara yang memberi manfaat kepada umat Islam. Filem-filem atau drama-drama yang lebih berunsurkan kisah percintaan dan budaya hidup barat seharusnya dibanteras agar remaja-remaja Islam tidak terikut dengan gaya hidup sedemikian. Laman-laman web yang berkaitan dengan agama Islam juga seharusnya diperbanyakkan kerana pada masa kini ianya sangat jelas masih kekurangan (Syahrul & Sulaiman, 2008).

### ***3.4 Pengurusan dan Pentadbiran Negara Berlandaskan Tauhid***

Sistem pengurusan dan pentadbiran di dalam negara mestilah diuruskan menggunakan sistem Islamik yang berteraskan tauhid kepada Allah SWT. Tujuannya ialah untuk membina ketamadunan dan kemajuan yang

berlandaskan ciri-ciri Islamik dan menghapuskan kerosakan seperti korupsi, penyelewengan, kezaliman dan penidasan di dalam organisasi dan masyarakat serta mendapat keredhaan Allah SWT. Matlamat pengurusan dan pentadbiran ialah untuk mencapai kejayaan, keuntungan dan kesejahteraan sama ada di dunia dan di akhirat. Penerapan konsep Islamik dan tauhid ini mampu memberi kesan yang positif terhadap pengurusan dan pentadbiran sesebuah negara. Dari sudut pengurusan, konsep ini mampu melahirkan seorang pekerja yang bersifat amanah, berintegriti, jujur dan berdisiplin semata-mata untuk mendapatkan rahmat daripada Allah SWT. Pekerja-pekerja juga akan membenci untuk melakukan kemungkaran seperti rasuah, penyelewengan, menafikan hak orang lain kerana takutkan kemurkaan Allah SWT dan membuatkan mereka semakin patuh terhadap peraturan yang telah ditetapkan (Syahir et al., 2016).

Bagi memperkukuh lagi pengurusan dan pentadbiran negara berlandaskan tauhid, setiap individu yang terlibat dalam urusan negara perlu menghayati prinsip-prinsip Islam dalam setiap tindakan mereka. Penerapan sistem ini akan menanamkan rasa tanggungjawab terhadap setiap keputusan yang diambil, di mana setiap tindakan bukan hanya untuk kepentingan duniawi, tetapi juga demi kesejahteraan akhirat. Sebagai contoh, apabila setiap pemimpin dan pengurus di negara Islam memahami bahawa mereka bertanggungjawab terhadap rakyat dan negara di hadapan Allah SWT, mereka akan lebih berusaha untuk menegakkan keadilan, ketelusan dan kesejahteraan. Oleh itu, pengurusan negara bukan hanya bertujuan untuk memaksimumkan keuntungan ekonomi atau memperkukuh kuasa, tetapi lebih jauh daripada itu, ia adalah untuk memenuhi amanah yang diberikan oleh Allah SWT, yang menuntut kesungguhan dalam memastikan setiap lapisan masyarakat dapat hidup dalam keadaan yang harmoni, adil, dan sejahtera (Tariq, 2019).

---

### ***3.5 Penyegaran Institusi Agama***

Penyegaran semula institusi agama sewajarnya dilakukan untuk membimbing semula umat Islam pada zaman ini. Masyarakat Islam pada hari ini kelihatan sangat tenat seolah-olah tidak memiliki arah tuju sehingga mampu dipijak dan dipandang remeh oleh orang-orang bukan Islam. Negara-negara Islam mestilah menaiktaraf institusi agama dan menghidupkan semula institusi ini sehingga mampu membantu umat-umat Islam serta menjadi sinar dalam membimbing mereka pada zaman ini. Institusi agama juga seharusnya lebih kreatif dan tidak hanya tertumpu kepada masjid-masjid, surau-surau dan perkara-perkara berkaitan ibadah sahaja bahkan mampu melaksanakan program-program yang berkaitan hal keagamaan dan permasalahan ummah serta dapat menarik minat masyarakat Islam untuk turut serta di dalam aktiviti yang dianjurkan.

Golongan agamawan ataupun ahli akademik yang dilantik juga mestilah seorang yang benar-benar amanah, jujur dan alim sehingga mereka dapat memberi sumbangan kepada masyarakat dengan memberi penyelesaian kepada permasalahan yang dihadapi serta menjadi role model kepada anak-anak muda. Program yang dijalankan boleh diisi dengan aktiviti yang dapat membangunkan negara dan agama, pemulihan akhlak, penyelesaian masalah ummah, ceramah-ceramah agama dan sebagainya sehingga agama Islam ini tidak dilihat begitu sempit oleh masyarakat pada masa kini (Azizi Yahaya, 1993).

Penyegaran institusi agama juga perlu melibatkan pengintegrasian ilmu pengetahuan dan teknologi dalam menggerakkan aktiviti keagamaan agar dapat menarik lebih ramai golongan muda dan masyarakat umum untuk terlibat. Ini termasuklah penggunaan platform media sosial, aplikasi, dan saluran digital untuk menyebarkan ajaran Islam yang benar, serta memberi ruang bagi umat Islam untuk lebih memahami ajaran agama dengan pendekatan yang lebih kontemporari. Institusi agama juga perlu mengadakan program yang lebih inklusif, yang menggabungkan aspek pembangunan rohani

---

dan duniawi, untuk memastikan umat Islam tidak hanya memperoleh ilmu agama tetapi juga dapat memanfaatkannya dalam kehidupan seharian.

Selain itu, dengan mengukuhkan kerjasama antara institusi agama dan pihak berkuasa, usaha ini dapat memperkasakan peranan agama dalam penyelesaian masalah sosial yang semakin membimbangkan, seperti gejala rasuah, keruntuhan moral, dan ketidakadilan. Menerusi pendekatan ini, umat Islam di negara-negara Islam diharapkan dapat kembali memimpin dunia dengan prinsip-prinsip Islam yang benar dan memberi impak positif kepada seluruh masyarakat, bukan sahaja dalam aspek keagamaan, tetapi juga dalam aspek sosial, ekonomi, dan politik (Al-Ashqar, 2020).

### ***3.6 Politik Berlandaskan Nilai-Nilai Islami***

Pendekatan politik yang berpaksikan nilai-nilai Islami perlulah diterapkan di dalam negara-negara Islam. Pendekatan politik dengan nilai-nilai Islami ini mampu menguruskan perselisihan yang berlaku di dalam masyarakat dan sewajarnya dipraktikkan dari masa ke masa. Perselisihan pendapat yang berlaku di dalam politik itu adalah satu perkara yang sudah maklum dan bukan satu perkara yang aneh, namun ianya perlu disusun dan diuruskan dengan sebaik mungkin untuk kebaikan masyarakat sesuai dengan tuntutan agama sehingga masyarakat tidak menjadi mangsa kepada pergaduhan politik yang tidak matang. Agama Islam sangat mengambil berat ciri-ciri mahmudah yang diterapkan di dalam politik seperti bersatu padu, bekerjasama, saling bantu membantu, berlapang dada, mampu menerima kritikan dan sebagainya. Sayang sekali kerana ciri-ciri yang diajarkan di dalam Islam tidak dipraktikkan dan dikembangkan oleh umat Islam di dalam politik dan kepimpinan mereka.

Jikalau ciri-ciri ini dilaksanakan di dalam amalan politik sesebuah negara, maka akan terserlah bukti kehebatan, keharmonian dan keunggulan agama Islam. Pemimpin yang dipilih oleh rakyat juga mestilah seorang yang berupaya

membawa negara kepada perubahan positif di dalam kemajuan dan mampu memperkenalkan wawasan dan pemikiran yang merentasi sempadan dan halangan. Rakyat juga mempunyai kuasa untuk memilih pemimpin yang berkualiti untuk memimpin mereka agar mendapatkan perubahan dan hasil yang diinginkan (Hairol Anuar & Zakaria, 2012).

Bagi memperkukuhkan sistem politik yang berlandaskan nilai-nilai Islami, adalah penting bagi setiap negara Islam untuk mengintegrasikan prinsip-prinsip keadilan, ketelusan, dan akauntabiliti dalam urusan politik mereka. Politik yang berlandaskan Islam bukan hanya mengutamakan kepentingan golongan tertentu, tetapi melibatkan seluruh rakyat dalam proses membuat keputusan yang adil dan saksama. Islam mengajarkan bahawa pemimpin adalah amanah yang harus dipikul dengan penuh tanggungjawab dan integriti. Dalam konteks ini, setiap pemimpin diharapkan untuk memberi keutamaan kepada kepentingan umum dan berusaha untuk mengelakkan amalan-amalan rasuah atau penyelewengan kuasa yang merugikan masyarakat. Selain itu, pendidikan politik yang berteraskan nilai-nilai Islam perlu diperkenalkan agar rakyat dapat membuat pilihan yang bijaksana dalam memilih pemimpin yang tidak hanya berkebolehan tetapi juga berakhlak mulia. Masyarakat perlu dididik agar memahami pentingnya memilih pemimpin yang mengamalkan syariat Islam dalam kepimpinannya, serta mampu membawa negara ke arah keharmonian dan kemakmuran (Khalid, 2020).

### ***3.7 Penerapan Kefahaman Islam Yang Sebenar***

Dalam menangkis dan menghalang segala pemikiran dan doktrin barat yang melanda umat Islam pada hari ini, ia bukan satu perkara yang mudah untuk dilaksanakan kerana terdapat pelbagai cabaran dan rintangan. Namun, ia mampu dilakukan dengan mudah sekiranya masyarakat Islam pada hari ini bertungkus-lumus serta bersungguh-sungguh dalam memahami konteks ajaran Islam yang sebenar dengan mendalami apa yang terkandung di dalam al-Quran dan Sunnah sehingga lumat. Kefahaman Islam yang ditekankan

kepada umat Islam di sini adalah merujuk kepada segala pengajaran yang terkandung daripada al-Quran, Hadis, athar para sahabat serta pemahaman terhadap ilmu-ilmu Islam seperti fiqh, ilmu hadis, tafsir dan sebagainya yang telah ditulis dan dianalisis oleh para ulama Islam yang muhtabar sebagai ikutan umat Islam daripada dahulu sehingga kini. Oleh itu, ia menjadi tanggungjawab setiap umat Islam daripada setiap lapisan masyarakat dalam menegakkan dan menggalas kembali asas-asas kefahaman ini kerana, dengan memahami kefahaman Islam yang sebenar, umat Islam dapat membezakan di antara doktrin yang sesat dan juga ajaran-ajaran Islam yang sempurna serta ia dilihat secara tidak langsung menjadi benteng kukuh kepada umat Islam daripada terjebak dengan ajaran-ajaran yang songsang dan merosakkan perpaduan umat Islam (Yusri, 2019).

#### **4.0 Kesimpulan**

Umat Islam seharusnya merenung kembali dan menilai kesilapan-kesilapan mereka yang berlaku serta menjadikan ia sebagai pengajaran dan iktibar sebelum mengorak langkah untuk menjadi umat yang terbaik. Perlu diketahui bahawa tunjang peradaban Islam adalah tauhid kepada Allah, penguasaan ilmu, peranan pendidik dan ulama, dan ketinggian akhlak. Tanpa tunjang-tunjang ini di dalam masyarakat Islam, maka ia dilihat sebagai punca kejatuhan sesebuah tamadun Islam. Kita seharusnya mencontohi umat-umat terdahulu yang dianggap sebagai bangsa yang agung sehingga mereka mampu menguasai dunia dan menjadi rujukan pihak-pihak barat dari segi ilmu dan peradaban mereka serta kembali bertungkus lumus dalam menaikkan semangat perjuangan umat Islam yang semakin pudar untuk bangkit menjadi sebuah umat dan bangsa yang disegani, dihormati dan digeruni oleh bangsa-bangsa lain sebagaimana di zaman keemasan umat Islam suatu ketika dahulu.

Al-Quran dan Sunnah sewajibnya dijadikan sebagai panduan dan pedoman bagi setiap umat Islam di dalam setiap aspek kehidupan serta menjadikan kedua-duanya sebagai paksi dan sumber utama di dalam pembangunan umat

Islam. Galakan untuk mencari ilmu dalam setiap bidang di dalam al-Quran mahupun Sunnah sewajarnya diambil berat oleh setiap umat Islam dalam mengorak langkah dalam menjadi umat yang terbaik. Kemajuan yang dikecapi oleh umat Islam juga mestilah selari dengan tuntutan Allah SWT yang terdapat di dalam Al-Quran dan Sunnah serta berusaha untuk menjauhkan diri daripada kemurkaannya. Dengan menegakkan prinsip-prinsip Islam yang sebenar dan memanfaatkan setiap potensi yang ada, umat Islam akan mampu mengembalikan kegemilangan peradaban mereka dan menjadi contoh teladan dalam membina sebuah dunia yang adil, makmur, dan penuh rahmat.

### Rujukan:

- Abdul Aziz, A. (2018). *Unity in Diversity: Building Islamic Brotherhood in a Fragmented World*. Kuala Lumpur: International Islamic University Press.
- Abdul Halim El-Muhammady. (1991). *Pendidikan Islam: Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam. 13.
- Ahmad Syukri. (2014). *Pendidikan Masa Kemunduran Umat Islam*. Dosen Fakultas Usuludin IAIN STS Jambi.
- Ahmed, L. (2006). *Women and Gender in Islam: Historical Roots of a Modern Debate*. Yale University Press.
- Aiza Maslan @ Baharudin, Roshimah Shamsudin. (2016). Kejatuhan Pemerintahan Menurut Pemikiran Ibn Khaldūn dalam Karyanya al-Muqaddimah: Ibn Khaldūn's Thought on the Fall of a Government in His Work Al-Muqaddimah. *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 18, 89-114.
- Al-Ashqar, A. M. (2020). The Role of Religious Institutions in Modern Society. *International Journal of Islamic Studies*, 12(4), 45-59.
- Al-Atas, S. H. (1977). *The Myth of the Lazy Native: A Study of the Image of the Malays, Filipinos and Javanese from the 16th to the 20th Century and Its Function in the Ideology of Colonial Capitalism*. Frank Cass.

- Al-Attas, S. M. N. (1991). *The Concept of Education in Islam: A Framework for an Islamic Philosophy of Education*. International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Alias Azhar. (2010) Faktor Pembangunan Dan Kemunduran Pengajian Sains Islam Silam. *Jurnal Hadhari*, 2(1), 43-59.
- Aliyu, S., Yusof, R. M., & Naqvi, M. (2020). *Fintech and Islamic Finance: The Drive towards Financial Inclusion*. Palgrave Macmillan.
- Aljunied, K. (2020). *Radicals: Resistance and Mobilization in Colonial Malaya*. Northern Illinois University Press.
- Asad, T. (2003). *Formations of the Secular: Christianity, Islam, Modernity*. Stanford University Press.
- Azizi Yahaya. (2010). *Permasalahan Sosial Di Kalangan Remaja: Satu Cabaran*. Jabatan Pendidikan Asas Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor. 1-9.
- Berhanundin Abdullah, Zawawi Yusoff. (2015). Faktor Kelemahan Peradaban Islam dan Langkah Mengatasinya. In *International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century* (pp. 978-967).
- Boyd, D. (2014). *It's Complicated: The Social Lives of Networked Teens*. Yale University Press.
- Carnoy, M. (1974). *Education as Cultural Imperialism*. David McKay Company.
- Esposito, J. (2021). *Islam and the West: From Conflict to Coexistence*. Oxford: Oxford University Press.
- Hafiz Zakariya. (2019). Kegemilangan Tamadun Islam dan Sumbangannya Terhadap Pembinaan Tamadun Barat: The Glory of Islamic Civilization and Its Contributions in Building Western Civilization. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 6(2), 49-57.
- Hairol Anuar Hj Mak Din, Zakaria Stapa. (2012). Pemilihan Kepimpinan Politik melalui Pendekatan Nilai-nilai Islami. *Jurnal Pengajian Islam*, 6, 58-70.
- Halipah Hamzah, Muhammad Azizan Sabjan, Noor Shakirah Mat Akhir. (2016). Konsep Budaya Hedonisme Dan Latar Belakangnya Dari Perspektif Ahli Falsafah Yunani Dan Barat Moden (Concept of the Culture of Hedonism



- Topics and its Background from the Perspective of the Greek Philosophers and Modern Western). *Journal of Al-Tamaddun*, 11(1), 49-58.
- Hashim, R., & Langgulung, H. (2008). *Islamic Educational Philosophy: An Introduction*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia Press.
- Hasri Fendi, M., Aries Taufiq, Rahmi Eka Putri. (2020). Islamic Views on Hedonism among Students. *Proceeding IAIN Batusangkar*, 1(3), 131-136.
- Kadir, A., & Fauzi, M. (2019). Integration of Islamic and Modern Education: A Model for Holistic Development. *Journal of Islamic Education Research*, 10(3), 55-68.
- Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka. (1991). *Dewan Bahasa Dan Pustaka*. h.150.
- Islamic Development Bank. (2023). *Islamic Development Report 2023*.
- Islamic Financial Services Board (IFSB). (2023). *Islamic Financial Services Industry Stability Report*.
- Khalid Ismail, Solihah Haji Yahya Zikri, Abdul Salam Zulkifli, Azhar Abdul Rahman. (2022). Cabaran Islam Menghadapi Sains dan Teknologi Abad Ke 21: Analisa Pemikiran Prof Dr Seyyed Hossein Nasr. *Jurnal Pengajian Islam*, 15, 140-153.
- Khalid, M. (2020). The Role of Islamic Values in Political Leadership. *Journal of Islamic Political Studies*, 14(3), 67-80.
- Khalif Muammar. (2009). Faktor Kegemilangan Tamadun Islam: Pengajaran Dari Masa Lalu. *Jurnal Hadhari*, 1(2), 15-31.
- Mohd Aiza, M. (2012). Serangan Ideologi Barat Terhadap Pemikiran Umat Islam Dan Implikasinya kepada Iman. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 25, 99-118.
- Mohd Aizam, M. (2012). *Al-Ghazwu Al-Fikr dan Implikasinya terhadap Pemikiran Umat Islam Masa Kini*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Harizan, Muhammad Syaibani, Bushrah Basiron. (2018). Kemunduran Umat Islam dalam Sains dan Teknologi in *Prosiding Seminar Tamadun Islam*. *Akademi Tamadun Islam, UTM*, p. 127-138.

- Mohd Roslan Mohd Nor. (2011). Menangani cabaran umat Islam era moden (addressing challenges of Muslims in modern era). *Journal of Al-Tamaddun*, 6(1), 107-121.
- Mohd Yusri Bin Ibrahim. (2019). Sekularisme: Faktor, Penyebaran dan Langkah Mengatasinya dari Sudut Pandang Islam. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(8), 202-216.
- Muhammad Hazwan Johari, Amirul Syafiq Baharuddin, Siti Suhaila Ihwani. (2019). "Media Sosial dan Kelestarian Penggunaan Menurut Islam" in *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM*. p. 61-86.
- Muhammad Syahir Abu Bakar, Wan Fariza Alyati Wan Zakaria, Kamaruddin Salleh. (2016). Faktor-faktor kelemahan pengurusan dan pentadbiran Islam di Malaysia serta langkah-langkah mengatasinya. *Jurnal Ilmi*, 1(1).
- Nasr, S. H. (2001). *Islam and the Plight of Modern Man*. ABC International Group.
- Oxford English Dictionary. (2023). *Definition of Secularism*.
- Qutbuddin, M. (2020). Digital Hegemony: Cultural Domination in the Age of Social Media. *Journal of Islamic Studies and Society*, 12(3), 45-67.
- Rahman, A., Mohamed, N., & Noor, S. (2020). The Role of Political Will in Shaping Islamic Education Policies. *Policy Perspectives*, 17(1), 25-39.
- Ramadan, T. (2009). *Radical Reform: Islamic Ethics and Liberation*. Oxford University Press.
- Roslan, A. (2011). Pendidikan Islam dan Peranannya dalam Pembangunan Modal Insan. *Jurnal Pendidikan Islam*, 23(1), 15-25.
- Roziah Sidik, Mat Sidek. (2012). Relevansi Faktor Kegemilangan Sains Islam Dengan Dunia Islam Masa Kini (Relevance Factor of Islamic Sciences' Excellence towards Muslim World Today). *Journal of Al-Tamaddun*, 7(1), 1-13.
- Saeed, A. (2007). *Islamic Thought: An Introduction*. Routledge.

- Siti Nadirah Othman, Azureen Sabina Walter, Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Zaman Kegemilangan Islam. Dalam Seminar Tamadun 2012* (pp. 333-348).
- Syahrul N. Junaini, Sulaiman Kadikon. (2008). Isu dan Cabaran dalam Memperkasakan Ummah melalui ICT. *Proceedings of International Seminar on Islamic Science and Technology*, 1–7.
- Tan, C. (2017). Colonialism, Post-Colonialism, Islam And Islamic Education. In Arjmand,R. & Daun, H. (EDS), *Handbook Of Islamic Education*. Dordrecht: Springer.
- Tariq, S. (2019). Islamic Governance: Principles and Practices in the Contemporary World. *Journal of Islamic Governance Studies*, 5(2), 120-135.
- UNHCR. (2023). *Global trends: Forced displacement in 2023*.
- Wan Daud, W. M. N. (2013). *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib Al-Attas: An Exposition of the Original Concept of Islamization*. UTM Press.
- Yusuf, H. (2019). *Purification of the Heart: Signs, Symptoms and Cures of the Spiritual Diseases of the Heart*. Sandala Inc.
- Zubaidah, N., Abdullah, H., & Osman, M. (2021). Challenges and Innovations in Islamic Education: A Southeast Asian Perspective. *International Journal of Islamic Studies*, 13(2), 85-102.
- Zulkifli, A. (2020). The Role of Ulama in Promoting Islamic Unity. *Journal of Islamic Studies*, 12(3), 45-58.
- Zulkifli, A. (2020). Political Literacy as a Tool for Unity in the Muslim World. *Journal of Islamic Studies*, 15(2), 78-95.



Diterbitkan oleh:  
Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur  
Malaysia